

1,860 ahli Umno masuk PKR
Malaysiakini.com
Jun 2, 2007

Seramai 1,860 ahli Umno dalam tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam bahagian Kota Baru menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR) hari ini.

Mereka - ahli Umno dari DUN Tanjung Mas, Bunut Payong dan Kota Lama - menyerahkan borang keahlian PKR kepada Penasihat parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu majlis di Kota Baru petang tadi.

Majlis penyerahan borang tersebut dilakukan oleh Ketua Umno cawangan Khatib Ali, Nik Yusof Abdul Rahman, mewakili ahli Umno terbabit.

Pengerusi PKR Kelantan, Nik Mahmud Nik Hassan berkata, dua cawangan Umno di Tanjung Mas dibubarkan manakala 12 cawangan lagi berada dalam keadaan tenat.

Katanya, kira-kira 2,000 ahli Umno Kota Bharu akan menyertai PKR negeri dalam tempoh terdekat ini.

"PKR akan menubuhkan Jawatankuasa Daerah Mengundi (JDM) bagi menggantikan cawangan Umno di tempat berkenaan," katanya.

Perlu kerja kuat

Berucap di majlis sama, Anwar berkata, beberapa majlis kemasukan bekas ahli Umno, termasuk di Jeli dan Tanah Merah, akan diadakan tidak lama lagi.

Katanya, baru-baru ini, kira-kira 1,000 ahli Umno Kuala Kerai telah menyertai PKR, sebelum itu ratusan orang di Langkawi.

Bagaimanapun, katanya, mereka (bekas ahli Umno) perlu bekerja lebih kuat untuk menarik seberapa ramai rakan-rakan mereka ke dalam PKR.

Anwar juga mengarahkan PKR di semua peringkat memperkukuhkan jentera pilihanraya bagi menghadapi pilihanraya umum dalam masa terdekat ini.

"Pelantikan ketua perhubungan negeri yang baru dibuat pada bulan Jun ini. Pendek kata pada bulan ini semua urusan PKR selesai," katanya.

Anwar juga menyambut baik pengumuman pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Rahman untuk menggunakan dakwat kekal dalam pilihanraya akan datang.

Bagaimanapun, katanya banyak lagi yang perlu dilakukan oleh SPR antaranya termasuk senarai daftar pemilih yang bersih dan proses pengundian yang telus.